

Penggunaan Bahasa dalam Teks Ucapan Kehakiman dari Sudut Lakuan Bahasa

Language Use in Judicial Speech Texts from the Perspective of Speech Act

JESSELYN CHIN MUI FAH, WAN ROBIAH MEOR OSMAN &
NOR FAZILA AB HAMID

ABSTRAK

Lakuan Bahasa (LB) merupakan implikasi yang wujud daripada ujaran penutur yang membawa makna sesuatu tindakan. LB sering berlaku dalam pertuturan seharian manusia menerusi pelbagai konteks dan medium. LB boleh dikesan melalui ujaran atau teks sesuatu ucapan. Teks ucapan ialah hasil pertuturan langsung antara pengucap dan audiens. Teks ucapan kehakiman khususnya dilihat memanfaatkan pelbagai bentuk bahasa. Penggunaan bahasa yang sesuai dan tepat dalam teks ucapan kehakiman amat penting kerana ia dapat memberikan implikasi makna yang mewujudkan sesuatu tindakan kepada pendengarnya. Keberkesanan fungsi bahasa kehakiman yang menggunakan istilah-istilah khusus tertentu amat menarik untuk dianalisis dengan lebih lanjut dan mendalam. Oleh hal yang demikian, kajian ini memanfaatkan teks ucapan daripada portal rasmi Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia dengan menerapkan Teori Lakuan Bahasa (TLB) oleh Bach dan Harnish (1979). Hasil kajian mendapati bahawa LB pengumuman mempunyai kekerapan penggunaan tertinggi, iaitu sebanyak 222 (53.24%). Dalam kategori lakuan pengumuman pula, lakuan makluman mencatatkan penggunaan tertinggi, iaitu sebanyak 55 (13.19%) sesuai dengan peranan badan kehakiman sebagai pelaksanaan undang-undang yang lazim memberi makluman mengenai undang-undang. Kajian ini diharap dapat menjadi panduan kepada para penulis teks untuk menyediakan teks ucapan mengikut konteks dan objektif sasaran kepada khalayak tertentu.

Kata kunci: Lakuan bahasa; teks ucapan; kehakiman, implikasi

ABSTRACT

Speech Act (SA) is an implication that exists from the speaker's utterance that carries the meaning of an action. SA often occurs in human everyday speech through various contexts and mediums. SA can be detected through speech or the text of a speech. Speech text is the result of direct speech between the speaker and the audience. Judicial speech text, in particular, is seen to encompass a variety of language forms. Appropriate and accurate use of language in the judicial text is crucial, as it supplies implications in meaning to its listeners. The effectiveness of using judicial language functions with specific terms can be interesting to analyse. Therefore, this study utilises speech texts from the official portal of the Office Chief Registrar of the Federal Court of Malaysia by applying the Speech Act Theory (SAT) by Bach and Harnish (1979). The results of the study found that constative SA have the highest frequency of use, which is 222 (53.24%). In the act of constative category, the informative SA recorded the highest use, which is 55 (13.19%) in accordance with the role of the judiciary as an executor of the law that usually provides information about the law. This study is expected to be a guide for text writers to prepare speech texts according to the context and target objectives for a specific audience.

Keywords: Speech act; speech text; judiciary, implication

PENGENALAN

Lakuan bahasa (LB) merupakan ujaran seharian yang membawa makna sesuatu tindakan mengikut

konteks tertentu (Marlyna Maros 2007). LB dikaitkan dengan perbuatan yang dilakukan dengan cara bercakap seperti berjanji, memberi makluman,

arahan, berterima kasih dan sebagainya. LB juga ialah kajian makna dalam sesuatu ujaran melalui kata kerja yang menunjukkan tindakan tertentu. Teori Lakuan Bahasa (TLB) yang dikemukakan oleh Austin (1962) dan Searle (1969) menyatakan bahawa sesuatu bahasa yang digunakan bertujuan untuk mempersembahkan sesuatu tindakan atau lakuan. Teori ini membincangkan kaitan makna, bahasa dan lakuan yang selaras dengan konsep pertuturan yang mujarad. Searle (1969:16) telah menyatakan hipotesis bahawa seseorang yang bertutur telah melibatkan diri dalam satu bentuk perlakuan yang terikat dengan peraturan. TLB sering digunakan dalam kajian linguistik terutama dalam analisis wacana. Searle (1969) telah mengkategorikan LB kepada lima jenis, iaitu asertif, komisif, deklaratif, direktif dan ekspresif. Austin (1962) pula membahagikannya kepada keputusan (*verdictives*), penguasaan (*exercitives*), perjanjian (*commissives*), tabiat kebiasaan (*behabitives*) dan tanggapan (*expositives*). Bach dan Harnish (1979) seterusnya telah memperincikan lagi TLB Austin (1962) dan Searle (1969) kepada empat jenis LB, iaitu pengumuman (*constatives*), arahan (*directives*), perjanjian (*commissives*) dan pengakuan (*acknowledgements*). Empat jenis ini kemudian dipecahkan lagi dengan terperinci disertakan dengan kata kerja yang boleh tergolong dalam jenis LB tertentu. Oleh hal yang demikian, maka kajian ini dilakukan berkaitan teks ucapan kehakiman dengan menggunakan TLB oleh Bach dan Harnish (1979). TLB Bach dan Harnish (1979) ini dipilih kerana pengkategorian memuatkan contoh kata kerja bagi setiap LB dan lebih terperinci berbanding dengan kerangka TLB oleh Austin (1962) dan Searle (1969).

PERMASALAHAN KAJIAN

Bahasa memainkan peranan yang penting dalam pelbagai bidang termasuk perundangan (Nurul Qamar & Hardianto Djanggih 2017). Bidang perundangan memerlukan penggunaan bahasa yang tepat sesuai dengan peranan undang-undang atau kehakiman, iaitu untuk memelihara hak asasi manusia serta pentadbir keadilan. Undang-undang ialah alat yang diperlukan untuk mengawal dan melindungi kepentingan bersama masyarakat. Seperti yang ditakrifkan oleh Salmond (1920) dalam bukunya *Jurisprudence*, undang-undang ialah “*the body of principles recognised and applied by state in the administration of justice*”

(Dorsett & McVeigh 2013). Manakala Kamal Halili Hassan (1990) mentakrifkan undang-undang ialah peraturan atau kaedah oleh badan perundangan yang dikenakan kepada rakyat negara berkenaan dan dikuatkuasakan melalui badan penguatkuasaan tertentu dan keengganan mematuhi undang-undang berkenaan akan membawa kepada hukuman. Oleh hal yang demikian, penggunaan bahasa yang sesuai dan tepat akan memberikan implikasi yang baik kepada sasaran pendengar. Keberkesanan peranan dan fungsi bahasa kehakiman yang menggunakan istilah-istilah khusus tertentu amat menarik untuk dianalisis dengan lebih mendalam. Justeru, matlamat kajian ini adalah untuk melihat jenis lakuan bahasa yang dominan digunakan dalam teks ucapan kehakiman. Tambahan lagi, menerusi sorotan kajian yang lepas menunjukkan kurangnya kajian yang mengkaji LB dalam bidang kehakiman. Kebanyakan kajian menumpukan perhatiannya terhadap konteks lain seperti sesi kaunseling, teks khutbah jumaat, bahasa mesyuarat dan sebagainya. Maka, kajian ini menarik untuk diteliti bagi melihat kecenderungan LB yang digunakan dalam teks ucapan kehakiman.

SOROTAN KAJIAN

Penelitian berkenaan LB telah banyak dilakukan penyelidikan dalam dan luar negara. Antara kajian dalam negara yang memanfaatkan teks sebagai data kajian ialah kajian oleh Wan Robiah Meor Osman, Hamidah Abdul Wahab dan Siti Marina Kamil (2018) memanfaatkan teks perbualan sesi kaunseling antara kaunselor pelatih dan klien. Kajian ini menggunakan kerangka pengkategorian Bach dan Harnish (1979). Menerusi kajian ini, sebanyak 3269 LB telah diperoleh dan LB pengumuman mempunyai kekerapan tertinggi, iaitu sebanyak 1634 (50%) daripada keseluruhan kategori LB yang dianalisis. Dapatan kajian mendapati LB pertanyaan merupakan LB yang paling dominan digunakan oleh kaunselor pelatih di UNIMAS. Hasil kajian telah menolak tanggapan masyarakat umum berkenaan peranan kaunseling sebagai khidmat nasihat. Sebaliknya, kaunseling merupakan suatu proses dalam membantu meneroka masalah, memberi informasi dan galakan yang positif terhadap klien dengan menggunakan lakuan pertanyaan, maklum balas dan makluman.

Seterusnya, kajian oleh Amir Juhari dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2015) yang mengkaji LB dalam mesyuarat pengurusan juga menggunakan teori lakuan tuturan Bach dan Harnish (1979).

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti jenis LB yang terdapat dalam mesyuarat pengurusan. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah analisis kandungan minit mesyuarat yang menggunakan lima teks sesi mesyuarat. Dapatan kajian ini mendapati LB yang paling dominan digunakan dalam mesyuarat ialah lakuan arahan. Selain itu, dapatan juga menunjukkan terdapat bentuk LB lain yang lazim digunakan seperti sapaan, pertanyaan, cadangan dan pengumuman.

Selain itu, kajian oleh Aswadi Mohamad dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2018) meneliti struktur bahasa yang digunakan untuk memberi maklumat tentang bencana banjir kepada masyarakat umum. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah analisis kandungan, iaitu meneliti satu video mengenai situasi banjir. Dapatan kajian ini mendapati terdapat lima bentuk bahasa yang digunakan oleh penduduk dalam situasi banjir, iaitu lakuan ekspresif (pelahiran), representatif (penegasan/pernyataan), direktif (arahan), komisif (perjanjian) dan deklaratif (pengisytiharan).

Kajian oleh Abdul Ganing Laengkang (2018) pula meneliti teks khutbah Jumaat dalam laman web rasmi Jabatan Agama Islam Negeri Selangor sebagai data analisis LB. Kajian ini bersifat kualitatif, iaitu analisis teks. Kajian ini juga menggunakan kerangka teori Bach dan Harnish (1979). Hasil kajian menunjukkan bahawa LB nasihat merupakan bahasa yang paling dominan digunakan dalam menyampaikan khutbah Jumaat kepada masyarakat, iaitu sebanyak 83 kali atau 24.34 %, lakuan deskriptif 61 kali, lakuan makluman 42 kali dan lakuan penegasan 41 kali. Dapatan ini menunjukkan teks khutbah yang dianalisis selari dengan tujuan khutbah itu sendiri yang membawa maksud syarahan yang berisi ajaran atau nasihat mengenai agama.

Terdapat juga kajian yang memanfaatkan ruangan status *facebook* sebagai data utama kajian, iaitu kajian oleh Maslida Yusoff dan Karim Harun (2015). Kajian kualitatif ini meneliti kandungan media untuk memahami tujuan sesuatu ujaran itu dimuat naik. Sebanyak 295 status dianalisis menggunakan kategori lakuan tutur Searle (1969), iaitu asertif, komisif, deklaratif, direktif dan ekspresif. Dapatan kajian ini menunjukkan tiga jenis perkara yang ditulis sebagai status kepada rangkaian sosial, iaitu penyampaian maklumat, ucapan selamat dan luahan perasaan. Perkongsian maklumat dalam bentuk berita adalah yang paling kerap dimuat naik dalam status *facebook* untuk memberi maklumat tentang lokasi dan makanan. Kajian ini merumuskan

terdapat suatu fungsi disebalik status yang dimuat naik oleh pengguna *facebook* seperti menegur, mencadangkan, memberi komen, menasihati, melarang dan sebagainya yang dipersembahkan oleh pengguna dalam status *facebook* mereka.

Antara kajian luar negara yang memanfaatkan LB ialah kajian Azzahra Dhella Safitri, Sukardi dan Nur Aini Puspitasari (2019) yang mengkaji LB ekspresif dalam filem Jambatan Pensel dengan menggunakan pandangan Leech (2015:164) berkenaan dengan LB ekspresif. Dapatan kajian berbentuk kualitatif ini mendapati terdapat 82 LB daripada lima jenis LB ekspresif yang terdapat dalam filem Jambatan Pensel, iaitu LB meminta maaf, berterima kasih, mengecam, memuji dan mengucapkan takziah. Walaupun begitu, LB ucapan selamat tidak ditemui dalam filem ini.

Seterusnya, kajian oleh Ogleznev (2016) yang membincangkan LB askriptif (*ascriptive*) dan bahasa undang-undang. Makalah ini mengupas berkaitan LB askriptif dalam hal yang berkaitan undang-undang. Makalah ini membincangkan tentang interpretasi LB askriptif dalam bahasa undang-undang dengan menilai pengaruh falsafah bahasa terhadap pembentukan falsafah undang-undang moden. Penjelasan juga dilakukan dengan menilai sumbangan berkaitan konsep pembangunan falsafah undang-undang dalam TLB oleh Austin dan Searle. Menerusi perbincangan dalam makalah ini telah menghasilkan satu formula berkaitan LB askriptif sebagai suatu tindakan yang wajib diambil tindakan oleh pendengar sebagai suatu arahan mandatori. LB askriptif juga merujuk kepada hubungan antara kata dengan dunia sebenar, iaitu wujudnya keikhlasan dan tindakan disebalik ujaran yang diujarkan.

Selain itu, Allot dan Shaer (2017) pula mengkaji *Legal Speech Act and The Element of Adjudication*. Tujuan kajian ini adalah untuk menilai definisi lakuan yang digunakan dalam membuat keputusan. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif yang berbentuk deskriptif kerana membincangkan TLB oleh Austin (1962) dan Bach dan Harnish (1979). Dapatan daripada kajian lepas juga digunakan sebagai sokongan kepada perbincangan kajian ini. Hasil kajian ini mendapati definisi Austin (1962) dan Bach dan Harnish (1979) tentang LB memutuskan adalah tepat berdasarkan bukti dan penjelasan dalam membuat sesuatu keputusan. Namun pengkaji mencadangkan untuk menambah definisi tersebut dengan menyelitikan unsur pertanyaan yang perlu ada sebelum memutuskan sesuatu perkara.

Ulasan Kritis Menerusi kajian lepas dapat dilihat bahawa fokus kajian tertumpu kepada data atau teks yang berbeza daripada teks kehakiman seperti minit mesyuarat pengurusan (Amir Juhari dan Zaitul Azma Zainon Hamzah 2015); status *Facebook* (Maslida Yusoff dan Karim Harun 2015); sesi kaunseling (Wan Robiah Meor Osman, Hamidah Abdul Wahab, dan Siti Marina Kamil 2018); teks khutbah Jumaat (Abdul Ganing Laenggang 2018); bencana banjir (Aswadi Mohamad dan Zaitul Azma Zainon Hamzah 2018) dan filem Jambatan Pensel (Azzahra Dhella Safitri, Sukardi & Nur Aini Puspitasari 2019). Hanya terdapat dua kajian yang meneliti aspek perundangan, iaitu kajian oleh Ogleznev (2016) dan Allot dan Shaer (2017). Namun, tumpuan kedua-dua kajian ini juga berbeza, iaitu Ogleznev (2016) meneliti tentang interpretasi LB askriptif dalam bahasa undang-undang dan kajian Allot dan Shaer (2017) menilai definisi lakuan yang digunakan dalam membuat keputusan dari sudut perundangan. Penelitian sorotan kajian ini memperlihatkan kelompangan kajian lepas yang kurang meneliti teks dalam bidang undang-undang khususnya berkaitan dengan teks ucapan kehakiman.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan teks ucapan kehakiman yang diakses daripada Portal Rasmi Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia. Sebanyak 12 teks ucapan yang panjang keseluruhannya ialah 17,006 patah perkataan dari tahun 2016 hingga awal tahun 2020 telah dianalisis. Pemilihan teks ucapan kehakiman tersebut tidak terhad kepada topik atau majlis tertentu namun hanya teks dalam bahasa Melayu sahaja yang dipilih. Kajian ini menggunakan kerangka TLB oleh Bach dan Harnish (1979) dalam menganalisis jenis LB.

Proses analisis data dimulakan dengan pembacaan pertama setiap teks ucapan kehakiman untuk mengenal pasti kata kerja dalam teks tersebut. Kata kerja tersebut disenaraikan untuk proses pengkategorian. Seterusnya, pengkaji melakukan pembacaan kedua untuk mengkategorikan kata kerja yang telah dikenal pasti terhadap sesuatu lakuan berdasarkan kerangka teori Bach dan Harnish (1979). Setiap kata kerja akan dirujuk maksudnya dalam Kamus Dewan (2007) untuk tujuan pengkategorian yang tepat. Selain itu, pengkaji akan melakukan pembacaan ulangan untuk memastikan pengkategorian dilakukan sesuai dengan LB yang

diwakili. Analisis penggolongan LB kajian ini telah merujuk kepada kajian Wan Robiah Meor Osman, Hamidah Abdul Wahab dan Siti Marina Kamil (2018) yang mengaplikasikan kaedah Bach dan Harnish (1979). Kaedah penyesuaian LB ini dilakukan berdasarkan konteks ayat dalam bidang kehakiman. LB diklasifikasikan berdasarkan keseluruhan ayat namun jika ayat tersebut ialah ayat majmuk, maka ayat tersebut akan dipecahkan berdasarkan hentian sesuatu ujaran. Walau bagaimanapun, pemecahan ayat dilakukan hanya jika terdapat niat LB yang berbeza dalam sesuatu ayat majmuk. Data-data yang dikumpul akan disenaraikan dalam bentuk jadual mengikut kategori tertentu, iaitu pengumuman (constative), arahan (directives), perjanjian (commisives) dan pengakuan (acknowledgements). Setelah itu, pengkaji akan mengira kekerapan setiap kelas LB yang dikenal pasti untuk tujuan melihat jenis LB yang paling dominan seperti berikut:

$$\frac{\text{Jumlah lakuan bahasa}}{\text{Jumlah keseluruhan lakuan bahasa}} \times 100\%$$

LAKUAN BAHASA TEKS UCAPAN KEHAKIMAN

Berdasarkan analisis terdapat sebanyak 417 LB dalam teks ucapan kehakiman yang diperoleh. Daripada keseluruhan jumlah tersebut, LB pengumuman merupakan kategori yang mempunyai kekerapan penggunaan yang tertinggi, iaitu sebanyak 222 (53.24%). Seterusnya adalah LB arahan sebanyak 121 (29.02%) dan diikuti LB pengakuan, iaitu sebanyak 72 (17.27%) serta LB perjanjian sebanyak 2 (0.47%).

LAKUAN BAHASA PENGUMUMAN

LB pengumuman merujuk kepada niat, kepercayaan atau pengetahuan pengucap untuk berkongsi mesej kepada pendengar agar pengetahuan atau kefahaman tersebut dapat diketahui bersama (Wan Robiah Meor Osman, Hamidah Abdul Wahab dan Siti Marina Kamil 2018). LB pengumuman mempunyai 15 subkategori lakuan, iaitu pernyataan, andaian (suppositives), cadangan (suggestives), maklum balas (responsives), perdebatan (disputatives), bantahan (dissentives), penerimaan (assentives), pembetulan (retractives), pengakuan (concessives), pengesahan (confirmatives), makluman (informatives), ramalan (predictives), laporan (retrodictives), penyebab (ascriptives)

JADUAL 1. Jumlah keseluruhan kekerapan lakuan bahasa dalam teks kehakiman

Kategori Lakuan Bahasa	Jumlah	Peratusan (%)
Pengumuman	222	53.24
Arahan	121	29.02
Perjanjian	2	0.47
Pengakuan	72	17.27
JUMLAH	417	100

dan deskriptif (descriptives). Berdasarkan dapatan kajian, lakuan makluman mencatatkan kekerapan tertinggi, iaitu sebanyak 55 (13.19%) daripada jumlah keseluruhan 222 (53.24%) lakuan pengumuman. Makluman merujuk kepada niat pengucap berkongsi mesej atau maklumat yang diketahuinya kepada pendengar. Lakuan makluman lazimnya merupakan ayat penyata dalam bentuk ayat tunggal.

Kamus Dewan (2007), mentakrifkan makluman sebagai pemberian maklumat, keterangan atau apa sahaja perihal yang berguna. Hasil kajian ini menyamai dapatan kajian Wan Robiah Meor Osman, Hamidah Abdul Wahab dan Siti Marina Kamil

(2018) yang mencatatkan lakuan makluman sebagai LB yang dominan digunakan dalam sesi kaunseling kerana klien perlu dimaklumkan mengenai perkara yang tidak diketahui terlebih dahulu sebelum memulakan sesi kaunseling. Hal yang sama boleh dilihat menerusi bidang kehakiman yang merupakan badan bertanggungjawab mentafsir dan melaksanakan undang-undang. Oleh itu, badan ini juga menggunakan lakuan makluman untuk memberi maklumat atau keterangan berkenaan dengan undang-undang kepada masyarakat agar mereka jelas dengan peraturan yang ditetapkan. Jadual 2 menunjukkan kekerapan setiap subkategori LB dalam teks ucapan kehakiman yang diteliti.

JADUAL 2. Taburan jenis LB pengumuman mengikut kekerapan penggunaan dalam teks ucapan kehakiman

Kategori Lakuan Bahasa	Subkategori	Jumlah	Kekerapan (%)
Pengumuman	a. Pernyataan	28	6.71
	b. Andaian	1	0.24
	c. Ramalan	0	0
	d. Laporan	16	4.32
	e. Penyebab	2	0.48
	f. Deskriptif	50	12.00
	g. Pengesahan	17	4.08
	h. Makluman	55	13.19
	i. Pembetulan	23	5.52
	j. Pengakuan	8	1.92
	k. Penerimaan	14	3.36
	l. Bantahan	0	0
	m. Perdebatan	1	0.24
	n. Makluman balas	0	0
	o. Cadangan	7	1.68
	Jumlah	222	53.24

Berdasarkan teks ucapan kehakiman yang dikaji, berikut merupakan contoh-contoh ayat yang telah dikenal pasti sebagai LB makluman:

- i. ... ingin **memaklumkan** bahawa bagi tahun 2016, peruntukan yang diluluskan untuk PKPMP adalah sebanyak RM 385.5 juta...
- ii. ... juga saya **maklumkan** di sini mengenai Pekeliling Perbendaharaan PB 3.3: “Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan”...
- iii. ...untuk **makluman** semua, pengauditan Indeks Akauntabiliti bagi tahun 2015 telahpun dijalankan oleh Jabatan Audit Negara...
- iv. ...saya ingin **berkongsi** apa yang dikatakan oleh Lord Roger of Earlsferry, Hakim Mahkamah Agung United Kingdom di dalam artikel beliau bertajuk “Judges and Academics in the United Kingdom”...
- v. ...untuk **makluman**, Mahkamah Khas ini, sebagai permulaan akan membicarakan kes-kes kesalahan jenayah seksual terhadap kanak-kanak ...

Menerusi penelitian, kata kerja *memaklumkan* dan *berkongsi* kerap digunakan dalam teks ucapan kehakiman. Makluman ialah apa-apa yang dimaklumi seperti pengetahuan dan pernyataan. *Memaklumkan* bererti perbuatan memberitahu pengetahuan atau pernyataan kepada seseorang atau sesuatu pihak. *Berkongsi* pula bermaksud bergabung atau berpakat dengan seseorang untuk sesuatu kegiatan (Kamus Perdana 2021). Dari sudut LB, *memaklumkan* dan *berkongsi* menunjukkan sesuatu tindakan yang dilakukan untuk memberitahu sesuatu kepada pendengar agar maklumat tersebut diketahui bersama.

Berdasarkan Jadual 2, LB deskriptif merupakan lakuan yang kerap muncul selepas LB makluman. Sebanyak 50 (12.00%) LB deskriptif telah dikenal pasti dalam teks ucapan yang dikaji. Kajian-kajian lepas (Wan Robiah Meor Osman, Hamidah Abdul Wahab dan Siti Marina Kamil 2018; Amir Juhari dan Zaitul Azma Zainon Hamzah 2015) tidak menunjukkan kadar penggunaan LB deskriptif yang tinggi. Namun dalam teks kehakiman, LB deskriptif didapati kerap digunakan. Menurut Abdul Ganing

Laengkang (2018), deskriptif bersifat menghuraikan dan menerangkan sesuatu. Deskripsi tersebut membantu memberikan gambaran yang jelas tentang sesuatu perkara yang dinyatakan sebelum atau selepas. Dalam teks ucapan kehakiman, kata deskriptif digunakan untuk memberikan penerangan, pemahaman serta gambaran yang jelas tentang perkara yang ingin dimaklumkan. Berikut merupakan contoh LB deskriptif yang terdapat dalam teks yang dikaji:

- i. ...hubungan ini, **adalah** penting untuk para hakim memastikan agar pelakuannya semasa melaksanakan tugas kehakiman atau aktiviti luarnya tidak menimbulkan keraguan munasabah...
- ii. ...kebebasan institusi kehakiman **adalah** komponen penting dalam sistem kehakiman dan perundangan sebuah negara demokrasi seperti Malaysia yang mendokong prinsip kedaulatan undang-undang (“Rule of Law”)...
- iii. ...penilaian pemilihan **adalah** berdasarkan kepada sikap atau keperibadian kehakiman serta prestasi perkhidmatan seseorang hakim...
- iv. ... subseksyen 3 seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman, seseorang yang **merupakan** hakim atau pesuruhjaya kehakiman yang sedang berkhidmat tidak boleh dilantik...
- v. Isu alamat ini **merupakan** salah satu perkara yang diambil kira sebelum pelaksanaan penuh pendaftaran automatik oleh SPR...

Berdasarkan contoh ayat tersebut, kata deskriptif yang kerap digunakan dalam teks kehakiman ialah kata *adalah* dan *merupakan*. Kategori kata *adalah* tergolong dalam kata pemer. Tatabahasa Dewan (2015) menyatakan kata pemer tersebut berfungsi sebagai kata untuk memerihal, menerangkan atau menghuraikan sesuatu perkara. Oleh itu, kata pemer ini sesuai dikategorikan dalam lakuan deskriptif kerana bersifat menerangkan sesuatu dengan memberikan deskripsi. Kata *adalah* digunakan untuk menghubungkan subjek atau benda dengan predikat dan merupakan huraian yang hadir di hadapan frasa adjektif dan frasa sendi nama. Kata *merupakan* pula ialah kata kerja yang memberi makna melambangkan atau menggambarkan sesuatu.

Dari segi lakuan bahasa, kata deskriptif *adalah* dan *merupakan* dianggap sebagai kata kerja yang menunjukkan niat penutur memberikan penerangan atau penjelasan tentang sesuatu perkara. Lakuan ini sesuai digunakan dalam teks kehakiman kerana membantu penyampaian maklumat dengan lebih jelas melalui penerangan lanjut sesuatu perkara. Berdasarkan dapatan didapati penggunaan *adalah* dan *merupakan* yang kerap digunakan dalam teks ucapan kehakiman manakala kata pemeris *ialah* tidak ditemui. Hal ini berkemungkinan disebabkan fungsi kata pemeris *ialah* dan *adalah* yang selalu mengelirukan pengguna bahasa.

LB pernyataan mencatatkan kadar penggunaan ketiga tertinggi dalam kategori LB pengumuman, iaitu sebanyak 26 (6.71%). Pernyataan merupakan sesuatu yang dinyatakan atau diberitahu itu mengandungi gagasan, hasrat atau isu-isu penting tentang sesuatu perkara. Lakuan ini dikenal pasti melalui kata kerja performatif yang membawa maksud menegaskan, menunjukkan, mengesahkan, mengatakan, menyatakan, menekankan dan mengutarakan. Dalam teks kehakiman yang dikaji, LB ini digunakan untuk menyatakan isu-isu penting. Berikut merupakan contoh LB pernyataan yang telah dikenal pasti dalam teks:

- i. ...saya ingin mengambil kesempatan untuk **memperkatakan** tiga tunggak penting yang mesti dihayati oleh para hakim...
- ii. ...saya juga ingin **menegaskan** di sini berkaitan Pematuhan Waktu Bekerja di Sekitar Putrajaya dan Dengkil...
- iii. ...beliau **menyatakan** bahawa "common law is to be found in the library and the law library is nowadays not written only by its judges but also by its jurists".
- iv. ...perkara pertama yang saya ingin **tekankan** di dalam ucapan sulung saya selaku Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan pada pagi ini adalah berkenaan "Teamwork".
- v. ...statistik di Mahkamah Rayuan **menunjukkan**, pada awal tahun 2011, terdapat sebanyak 10,771 kes di Mahkamah Rayuan...

Kata kerja performatif bagi lakuan pernyataan yang sering digunakan dalam teks ucapan ialah *memperkatakan*, *menegaskan*, *menyatakan*,

menekankan dan *menunjukkan*. Berdasarkan Kamus Perdana (2021:977), *memperkatakan* bermaksud berkata tentang sesuatu kejadian, peristiwa dan sebagainya kepada orang lain. Kata kerja *menegaskan* pula menunjukkan perbuatan meminta penjelasan atau keterangan (Kamus Perdana 2021:2283). *Menekankan* bermaksud memberikan keutamaan atau kepentingan pada sesuatu (Kamus Perdana 2021:2288). Kata *menyatakan* pula ialah menerang atau menjelaskan sesuatu supaya diketahui atau difahami (Kamus Perdana 2021:1550). Kata kerja *menunjukkan* merujuk perbuatan memperlihatkan, memberitahu, menampakkan sesuatu (Kamus Perdana 2021:2436). Dari segi LB, kata kerja ini merujuk kepada satu niat yang sama, iaitu menyatakan pendapat dan kepercayaan. Lakuan ini sesuai digunakan dalam teks ucapan kehakiman kerana berfokus kepada pernyataan maklumat.

Subkategori lain dalam LB pengumuman mencatatkan kadar penggunaan yang rendah, iaitu pembetulan sebanyak 23 (5.52%), laporan sebanyak 18 (4.32%), pengesahan sebanyak 17 (4.08%), penerimaan sebanyak 14 (3.36%), pengakuan sebanyak 8 (1.92), cadangan sebanyak 7 (1.68%), penyebab sebanyak 2 (0.48%), andaian sebanyak 1 (0.24%) dan perdebatan sebanyak 1 (0.24%).

Lakuan pembetulan merujuk kepada perihal atau perbuatan membetulkan sesuatu kesalahan. Kata kerja performatif yang tergolong dalam lakuan ini seperti menolak, betul, tepat, menyangkal, mengakui tidak benar, menafikan dan menarik balik kebenaran. Dalam teks kehakiman, kata kerja yang telah dikenal pasti sebagai lakuan pembetulan ialah kata *bukan*. Kata *bukan* yang merupakan kata nafi digunakan untuk menidakkan atau menafikan sesuatu yang berlainan daripada sebenarnya. Contoh ayat dalam LB ini ialah:

- i. ...disiplin **bukan hanya** bermakna mematuhi peraturan tetapi meliputi pengurusan masa, menyiapkan kerja dalam tempoh yang singkat...
- ii. ...ini **bukan bermakna** YBhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan tidak perlu menghadiri langsung sebarang kursus...

Berdasarkan penggunaan kata *bukan* dalam teks kehakiman yang dikaji, fungsi kata tersebut ialah sebagai satu tindakan menafikan yang salah atau bukan yang sebenarnya. Oleh itu, dari segi lakuan bahasanya kata *bukan* membawa makna

pembetulan. Dalam teks kehakiman yang dikaji, LB ini digunakan untuk memberitahu yang sebenarnya dengan membetulkan anggapan atau pandangan yang tidak tepat. Namun tidak digunakan secara dominan kerana pendengar memerlukan maklumat yang benar dan mempunyai fakta.

LB laporan merujuk kepada tindakan melaporkan sesuatu perkara atau masalah yang dihadapi atau telah berlaku. Menurut Keraf (2001:284), laporan ialah suatu cara komunikasi yang memerlukan penulis atau pengucap menyampaikan informasi kepada seseorang atau kelompok individu kerana tanggungjawab yang dipikul oleh pengucap. Kata kerja performatif yang membawa maksud mengingat semula, melaporkan, mengadu, memberitahu, mengisytiharkan boleh dikategorikan dalam lakuan ini. Contoh ayat :

- i. ...contohnya apabila mahkamah **mengisytiharkan** sesuatu undang-undang yang digubal oleh Parlimen tidak berperlembagaan dan batal...
- ii. ...Badan Kehakiman baru sahaja **memperkenalkan** program judicial clerkship semenjak tahun 2015...

Berdasarkan contoh tersebut, kata *mengisytiharkan* dan *memperkenalkan* telah digunakan sebagai lakuan laporan untuk melaporkan atau memberitahu sesuatu perkara. *Mengisytiharkan* membawa maksud mengumumkan, memaklumkan, mempernyatakan dan memasyurkan. *Memperkenalkan* dalam konteks ini membawa maksud tindakan atau usaha melakukan supaya sesuatu diketahui orang atau memberitahu dengan menerangkan. Dalam teks ucapan kehakiman, lakuan ini digunakan untuk memberitahu perkara sebenar yang telah berlaku kepada semua staf. Lakuan ini digunakan secara sederhana kerana hanya perkara penting yang dilaksanakan dalam organisasi perlu dibuktikan oleh pengucap kepada pendengar.

Lakuan pengesahan merujuk kepada perbuatan atau hal mengesahkan sesuatu perkara itu benar atau tidak. LB ini dicatatkan dengan kadar penggunaan yang rendah sama seperti dapatan kajian Wan Robiah Meor Osman, Hamidah Abdul Wahab dan Siti Marina Kamil (2018) yang mengkaji LB sesi kaunseling. Lakuan ini digunakan untuk memastikan maklumat yang disampaikan itu adalah benar dan sah. Kata kerja performatif yang membawa maksud menilai, mentaksir, mengesahkan, menyimpulkan,

menghakimi, memastikan, menetapkan dan mensahihkan boleh dikategorikan dalam lakuan ini. Contoh ayat :

- a. ...kemudahan ini diadakan sebagai usaha bagi **memastikan** kanak-kanak yang malang ini selesa dan diberi perlindungan sewajarnya...
- b. ...selaras dengan keadaan perkembangan semasa ekonomi serantau dan bagi **memastikan** sasaran fiskal yang ditetapkan oleh kerajaan masih dapat dicapai...

Kata kerja performatif yang digunakan sebagai lakuan pengesahan dalam teks ucapan kehakiman ialah *memastikan*. Kata kerja *memastikan* memberi maksud tindakan menyatakan sesuatu perkara atau perihal dengan pasti. Lakuan ini menunjukkan niat penutur untuk mengesahkan maklumat yang disampaikan kepada pendengar adalah benar dan tidak mewujudkan sebarang keraguan.

Lakuan penerimaan merujuk perbuatan atau perihal menerima, menyambut, penghargaan, keizinan dan kebenaran serta tanggapan terhadap sesuatu. Kata kerja performatif yang membawa maksud menerima, bersetuju dan mengaku benar boleh dikategorikan dalam lakuan ini. Dalam ucapan kehakiman, lakuan ini digunakan sebagai persetujuan atau menyambut cadangan, usul atau pandangan daripada sesuatu pihak. Contoh ayat:

- i. ...merakamkan ucapan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir bin Mohamad, kerana telah **menerima** cadangan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman...
- ii. ...saya ada **menerima** beberapa aduan bertulis terhadap para hakim...

Contoh ayat tersebut memaparkan kata kerja *menerima* sebagai lakuan penerimaan dalam teks ucapan kehakiman. Kata kerja performatif *menerima* mempunyai pelbagai maksud yang sinonim. Antara maksudnya ialah mengambil sesuatu yang diberikan, menyambut kedatangan orang, meluluskan atau mengabulkan permintaan, berserah mendapat atau menderita sesuatu, membenarkan dan bersetuju. Dalam konteks ayat di atas lakuan ini digunakan sebagai persetujuan tentang cadangan yang dikemukakan.

Lakuan pengakuan bawah kategori lakuan pengumuman ini merujuk kepada tindakan mengakui, memperakukan, bersetuju dan membenarkan sesuatu perkara. Kata kerja performatif yang boleh dikategorikan dalam lakuan ini termasuklah kata yang membawa maksud bersetuju, mengiakan dan mengaku. Contoh ayat:

- i. ...saya **percaya** Mahkamah Khas Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak ini juga akan dapat menyelesaikan kesnya dalam tempoh masa...
- ii. ...saya **yakin** tiada warga PKPMP yang akan terjatuh dalam kategori ini dan mengekalkan kecemerlangan dalam setiap kerja yang dilakukan...

Contoh ayat tersebut menunjukkan kata kerja performatif yang merujuk kepada LB pengakuan, iaitu *percaya* dan *yakin*. Dari segi makna, *percaya* bermaksud mengakui, menerima dan yakin akan benarnya sesuatu perkara. Manakala, kata *yakin* bermaksud betul-betul percaya tentang sesuatu atau seseorang, kebenaran, kepercayaan. Dari aspek lakuan bahasa kedua-dua kata kerja performatif ini menunjukkan niat pengucap memperakukan sesuatu tanpa keraguan dan pasti benar.

LB cadangan merujuk perbuatan mengemukakan sesuatu pendapat, saranan atau usul untuk dipersetujui. Lakuan ini digunakan untuk mengetengahkan pendapat seseorang bagi mendapat persetujuan ramai. LB cadangan wujud apabila seseorang cuba untuk mewujudkan perubahan terhadap lawan tuturnya dengan cara memberikan sesuatu usul atau pendapat. Kata kerja yang membawa maksud mencadangkan, mengusulkan, menyarankan dan menyatakan buah fikiran boleh dikategorikan dalam lakuan ini. Contoh ayat:

- i. ...pada tahun 2014, saya telah **mencadangkan** supaya setiap Fakulti Undang-undang di IPTA menubuhkan *Inns of Court* di universiti masing-masing...
- ii. ...Yang Berhormat Pontian telah **mengemukakan cadangan** untuk mewajibkan rakyat untuk mengundi...

Berdasarkan ayat tersebut, kata kerja yang digunakan ialah *mencadangkan*. *Mencadangkan* merujuk kepada tindakan mengemukakan sesuatu

pendapat untuk dipertimbangkan. *Mencadangkan* juga bersinonim dengan mengusulkan, menyarankan, menganjurkan dan mencalonkan. Dalam teks ini, lakuan cadangan digunakan untuk menyuarakan pendapat agar sesuatu langkah atau program dijalankan. Hal yang sama juga boleh dilihat dalam contoh kedua menggunakan frasa *mengemukakan cadangan* yang mempunyai makna yang sama dengan kata *mencadangkan*. Menerusi dapatan menunjukkan lakuan ini tidak digunakan dalam kadar yang tinggi kerana teks kehakiman lebih berfokus kepada pemakluman maklumat yang benar dan telah disahkan.

Lakuan penyebab merujuk kepada tindakan seseorang atau sesuatu perkara yang menjadi punca kepada sesuatu kejadian, peristiwa atau perbuatan dan sebagainya. Kata kerja performatif yang membawa maksud menganggap, menyifatkan, menerangkan dan menjadi penyebab boleh dikategorikan dalam lakuan ini. Dalam teks ucapan kehakiman, lakuan ini digunakan untuk menjelaskan punca dan tujuan sesuatu perkara dilakukan. Oleh itu, pengucap menggunakan lakuan ini sebagai niat untuk menjelaskan perkara sebenar yang terjadi akibat sesuatu punca. Contoh ayat:

- i. ...Secara tidak langsung hadith ini **menerangkan** tiada tangguhan dalam pekerjaan dan bekerja bersungguh-sungguh dalam mencari rezeki yang halal...
- ii. ... dengan pelaksanaan pendaftaran pengundi secara automatik akan **menyebabkan** anggaran seramai 7.8 juta pengundi-pengundi baharu akan didaftarkan sebagai pemilih...

Ayat tersebut menunjukkan kata kerja *menerangkan* dan *menyebabkan* telah diguna sebagai lakuan penyebab dalam ucapan kehakiman. *Menerangkan* merujuk kepada tindakan memberi penjelasan atau menghuraikan supaya terang dari segi penglihatan, pendengaran dan lain-lain. Kata kerja menerangkan juga menunjukkan, menandakan atau membuktikan bahawa sesuatu berlaku atas sebab-sebab tertentu. Dalam contoh ayat tersebut lakuan ini digunakan untuk memberi penjelasan bahawa pernyataan hadith ialah punca atau penyebab tiada berlaku penangguhan pekerjaan. *Menyebabkan* bermaksud sesuatu perkara mengakibatkan atau menjadi punca sesuatu yang lain berlaku. Dari aspek LB, kedua-dua kata

ini menunjukkan sesuatu perkara yang berlaku mempunyai alasan atau penolakan.

Lakuan andaian merujuk kepada perkara yang dijadikan contoh yang tidak semestinya merupakan suatu kenyataan tetapi dikemukakan hanya untuk menjelaskan sesuatu hujah. Kata kerja performatif dalam kategori ini merangkumi kata yang membawa maksud tekaan, mengagak, menduga, meneka, membuat ramalan, spekulasi, mengandaikan, kemungkinan dan lain-lain. Berdasarkan kajian-kajian lepas (Wan Robiah Meor Osman, Hamidah Abdul Wahab dan Siti Marina Kamil 2018), lakuan ini juga mencatatkan kadar penggunaan yang rendah. Oleh kerana lakuan ini mengeluarkan kenyataan yang tidak pasti, maka lakuan ini tidak sesuai untuk digunakan secara kerap dalam teks ucapan kehakiman yang berbentuk rasmi dan lebih kepada fakta. Contoh ayat:

...seseorang itu **mungkin** mempunyai pengetahuan, pengalaman atau kepakaran dalam bidang undang-undang tertentu, tetapi itu tidak dapat menentukan sama ada beliau mempunyai judicial temperamaent yang sesuai...

Ayat tersebut menunjukkan kata *mungkin* digunakan sebagai lakuan andaian. Kata *mungkin* membawa maksud tidak mustahil, boleh jadi dan harus berlaku atau terjadi. Dalam konteks ayat tersebut, kata mungkin merujuk kepada boleh jadi seseorang itu mempunyai ilmu tinggi tetapi pastinya terdapat kelemahan tertentu. Lakuan ini menunjukkan ketidakpastian sesuatu maklumat itu dan perlu dipertimbangkan.

Lakuan perdebatan merujuk kepada perbuatan bertukar fikiran yang bertentangan mengenai sesuatu isu atau perkara. Lakuan ini merujuk kepada niat penutur memperbaiki cadangan atau usul yang telah sedia ada. Dalam perdebatan tersebut, setiap pihak akan mengeluarkan pendapat atau alasan untuk tujuan perbincangan dan perbantahan. Kata kerja performatif yang membawa maksud membantah, membangkang, mempertikai dan menyoal boleh dikategorikan dalam lakuan ini. Contoh ayat:

...saya ada menerima beberapa aduan bertulis terhadap para hakim. **Namun** saya dapati asas kepada aduan tersebut kesemuanya adalah kerana pengadu tidak berpuas hati dengan keputusan hakim yang tidak memihak kepadanya...

Berdasarkan ayat tersebut, kata kerja performatif yang merujuk LB perdebatan ialah kata hubung *namun*. Kata hubung *namun* digunakan

untuk mempertikai pernyataan yang telah dinyatakan sebelumnya. Kata *namun* bersinonim dengan biarpun, meskipun, sungguhpun dan walaupun. Berdasarkan ayat tersebut, *namun* merujuk niat pengucap mempertikai atau menyoal aduan bertulis yang telah diterima olehnya. Lakuan ini kurang digunakan kerana dalam ucapan pertukaran cadangan atau usul tidak berlaku kerana bersifat komunikasi sehalu.

Daripada keseluruhan 15 kategori dalam lakuan pengumuman, hanya 12 lakuan sahaja yang didapati dalam teks ucapan yang dikaji. Manakala tiga lakuan yang selebihnya, iaitu lakuan bantahan, ramalan dan lakuan maklum balas tiada digunakan dalam teks ucapan kehakiman. Lakuan bantahan merujuk kepada perbuatan menyangkal pendapat, tidak bersetuju, berselisihan faham atau menolak akibat berlainan pendapat. Lakuan ramalan pula merujuk kepada tindakan meneka, menduga, dan meramal sesuatu perkara. Lakuan maklum balas merangkumi tindakan menyahut atau memberi jawapan atau respons. Lakuan maklum balas melibatkan komunikasi dua hala, iaitu antara pengucap dan pendengar. Namun dalam majlis ucapan rasmi, maklum balas pendengar tidak digalakkan kecuali jika dikehendaki berbuat demikian. Ketiga-tiga lakuan ini tidak sesuai digunakan dalam teks ucapan kehakiman kerana semasa ucapan, maklum balas dan bantahan tidak diperlukan daripada pendengar. Lakuan yang dominan dalam kategori ini ialah lakuan makluman. Dapatan ini menunjukkan bahawa pengucap atau penulis teks ucapan kehakiman banyak memberi makluman dalam sesuatu majlis rasmi.

LAKUAN BAHASA ARAHAN

Dalam kategori LB arahan, subkategori permintaan mencatatkan kekerapan tertinggi daripada enam subkategori lain, iaitu 50 (12.00%). Taburan jenis LB Arahan boleh dilihat menerusi Jadual 3. Menurut Bach dan Harnish (1979), LB permintaan merujuk kepada niat penutur menginginkan pendengar melakukan sesuatu. Kamus Dewan (2007) mentakrifkan permintaan sebagai perbuatan memohon, meminta dengan harapan untuk mendapatkan sesuatu. Kata kerja performatif yang membawa maksud merayu, memohon, menuntut, mengharap, menyeru, menggesa dan mendesak boleh dikategorikan dalam LB ini.

JADUAL 3. Taburan jenis LB arahan mengikut kekerapan penggunaan dalam teks ucapan kehakiman

Kategori Lakuan Bahasa	Subkategori	Jumlah	Kekerapan (%)
Arahan	a. Permintaan	50	12.00
	b. Pertanyaan	1	0.24
	c. Keperluan	33	7.90
	d. Nasihat	25	6.00
	e. Larangan	6	1.44
	f. Permisif	6	1.44
	Jumlah		121

Teks kehakiman yang dikaji menggunakan LB arahan untuk memohon sesuatu tindakan dilakukan oleh pendengar. Berikut merupakan contoh LB permintaan yang terdapat dalam teks:

- i. ...Besar **harapan** saya, agar semangat kerja berpasukan ini dapat dijadikan tunggak dan azimat dalam menjalankan tanggungjawab harian...
- ii. ...semua warga PKPMP **diminta** untuk mengambil perhatian terhadap semua langkah langkah penjimatan yang telah disenaraikan di dalam garis panduan...
- iii. ...saya **menyeru** semua yang hadir pada hari ini untuk sama-sama kita berganding bahu dan berusaha...
- iv. ...Yang Berhormat Bera **memohon** kepastian mengenai kebebasan semasa mengundi untuk memastikan tiada tekanan tertentu...
- v. ... saya tidak akan lagi memantau prestasi saudara dan saudari, tetapi saya **berharap** budaya kerja yang telah diterapkan dan dipupuk selama ini akan diteruskan...

Kata kerja performatif dalam lakuan permintaan yang kerap digunakan dalam teks ialah *berharap*, *meminta*, *menyeru* dan *memohon*. Kata *berharap* membawa maksud berhasrat untuk mendapatkan sesuatu agar terjadi sesuatu atau meminta supaya terjadi sesuatu. *Meminta* merujuk kepada tindakan menyatakan mahu akan sesuatu atau memohon untuk mendapatkan sesuatu. Kata kerja *menyeru* pula merujuk perbuatan memanggil dan meneriak dengan suara nyaring, mempelawa atau mengajak. Maksud kata *memohon* pula merujuk perbuatan

meminta sesuatu dengan cara lebih halus. Berdasarkan makna kata kerja performatif tersebut, lakuan ini digunakan untuk menyatakan kemahuan atau niat penutur dengan harapan mendapat atau menerima sesuatu.

LB keperluan pula mencatatkan kekerapan penggunaan sebanyak 33 (7.90%). Keperluan merujuk kepada sesuatu yang diperlukan, keharusan, kemestian, sesuatu yang berguna dan mempunyai kepentingan (Kamus Dewan 2007). Berdasarkan teori Bach dan Harnish (1979), kata kerja yang boleh dikategorikan dalam LB keperluan ialah yang membawa maksud menyuruh, meminta, mengarah, memerlukan, menetapkan, menentukan dan mendakwa. Dalam teks ucapan kehakiman yang dikaji, kata kerja dibawah subkategori LB ini lazimnya didahului dengan kata penegas seperti harus, hendak, mesti dan perlu. LB keperluan digunakan untuk menyatakan sesuatu yang perlu dan penting dituruti oleh ahli-ahli badan kehakiman. Berikut merupakan contoh ayat LB keperluan:

- i. ...melalui pemerhatian saya, standard dan kualiti peguam-peguam terutamanya peguam muda, masih banyak yang **perlu dipertingkatkan** terutamanya dalam kemahiran kepeguaman (advocacy skill)...
- ii. ...kita mestilah **perlu menjadi** lebih baik, lebih tangkas dalam memahami kehendak pihak yang berurusan dengan Mahkamah...
- iii. ...tuan-tuan dan puan-puan **perlu gerakkan** semua warga kerja Mahkamah dan sama-sama berkerja ke arah merealisasikan sasaran yang telah ditetapkan...

- iv. ...apabila sesuatu kes tersebut didaftarkan ditetapkan tarikh untuk perbicaraan di Mahkamah, kes tersebut **hendaklah didengar** dan diputuskan tanpa tertangguh...
- v. ...penggunaannya dari segi urusan pentadbiran, seperti surat pekeliling dan surat-menyurat mahkamah, **perlu mengikut** peraturan yang telah diwartakan dalam Perlembagaan...
- iv. ...saya **tegaskan** di sini, selagi mana keputusan yang dihasilkan adalah mengikut lunas undang-undang dan keadilan, anda tidak seharusnya takut kepada sebarang kritikan yang mendatang...
- v. ...perlu **diingatkan** bahawa para Hakim dibatasi etika kehakimannya untuk membela penghakiman yang dikritik tersebut...

Berdasarkan contoh tersebut, kata kerja performatif yang digunakan adalah kata penegas, iaitu *perlu* dan *hendak*. Kata *perlu* merujuk sesuatu keharusan atau kemestian yang tidak dapat dielakkan untuk mendapat sesuatu. *Hendak* pula merujuk niat atau hasrat menginginkan sesuatu dilakukan, mesti dilakukan atau wajib dilakukan. Lakuan keperluan dalam teks kehakiman menunjukkan niat pengucap menyatakan keinginan yang harus dilaksanakan untuk tujuan tertentu.

Seterusnya, LB nasihat mencatatkan kekerapan ketiga tertinggi dalam kategori LB arahan, iaitu sebanyak 25 (6.00%). Nasihat merujuk kepada ajaran, petunjuk yang baik dan peringatan (Kamus Dewan 2007). LB nasihat merujuk kepada niat pengucap menyatakan alasan atau kesan kepada pendengar mengenai sesuatu perkara sama ada positif atau negatif. LB nasihat digunakan dalam teks kehakiman hanya sekadar memberi peringatan kepada ahli-ahli badan kehakiman tentang peraturan dan etika kerja. Kata kerja yang dikenal pasti dalam LB ini membawa maksud penegasan, peringatan serta penekanan sesuatu perkara. Contoh ayat:

- i. ...saya ingin **mengingatkan** kembali ahli-ahli Yang Berhormat bahawa pindaan ini memerlukan sokongan yang padu daripada semua Ahli-ahli Dewan dan juga rakyat di luar sana kerana pindaan yang kita lakukan ini...
- ii. ... saya **ingatkan** juga bahawa, alasan penghakiman hendaklah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan...
- iii. ...saya ingin **mengingatkan** kesemua para Hakim supaya sentiasa menghormati dan berpegang kepada Perlembagaan Persekutuan, undang-undang dan menghakimi dan menghormati keputusan Mahkamah Atasan...

Berdasarkan lakuan nasihat yang terdapat dalam teks kehakiman, kata kerja performatif yang kerap digunakan ialah *mengingatkan* dan *menegaskan*. Kata kerja *mengingatkan* bermaksud memberi peringatan, nasihat dan lain-lain supaya sedar akan tanggungjawab, kewajipan, tugas dan lain-lain. Maksud *menegaskan* pula ialah menerangkan, menjelaskan dan menyatakan dengan tegas. Walaupun menegaskan lebih bermaksud seperti pernyataan, namun pengkaji meletakkan kata kerja ini bawah kategori lakuan nasihat kerana penegasan tentang sesuatu perkara mesti mempunyai alasan atau kesan jika tidak dituruti.

Tiga LB yang selebihnya dalam kategori ini mencatatkan kadar penggunaan yang rendah, iaitu lakuan larangan sebanyak 6 (1.44%) , lakuan permisif sebanyak 6 (1.44%) dan pertanyaan hanya 1 (0.24%) yang terdapat dalam teks. Peratusan ini menunjukkan LB pertanyaan tidak sesuai digunakan dalam teks kehakiman kerana tidak melibatkan komunikasi dua hala dalam ucapan.

Lakuan larangan merupakan niat penutur melarang atau menghalang sesuatu perlakuan dilakukan. Berdasarkan pengkategorian Bach dan Harnish (1979) kata kerja yang berkaitan dengan perbuatan melarang ialah melarang, menegah, mengehadkan dan mengharamkan. Menurut Asmah Omar (2014), modus larangan dalam ayat terdiri daripada struktur larangan + (subjek) + predikat + (objek). Kata yang menunjukkan unsur larangan ialah *jangan*, *usah* dan *tidak usah*. Pengkaji telah mengenal pasti lakuan larangan dalam teks yang menggunakan kata *jangan*. Contoh ayat:

- i. ...**Janganlah** hendaknya kita mengikut judicial precedent secara membuta tuli tanpa analisa yang lengkap dan sempurna...
- ii. ...**Jangan** bergantung kepada cara yang lama walaupun pada masa dahulu ia berjaya...

Kata larangan *jangan* bermaksud tidak boleh, menyatakan tidak atau usaha dengan tegas. Lakuan ini digunakan untuk menegah sesuatu perkara dilakukan dengan alasan tertentu yang pastinya mendatangkan kesan negatif. Lakuan ini kurang digunakan kerana dalam ucapan, lakuan larangan tidak sesuai digunakan kecuali dalam bentuk perintah mahkamah.

Lakuan permisif merupakan niat pengucap bersifat terbuka untuk mengizinkan sesuatu berlaku. Kesan LB permisif ini memberi kebebasan kepada pendengar melakukan sesuatu. Kebebasan tersebut bergantung kepada kuasa yang ada pada penutur untuk memberi kebenaran kepada pendengar melakukan sesuatu (Zanariah Ibrahim, Maslida Yusoff dan Karim Harun 2017). Oleh sebab kehakiman berfokus kepada peraturan dan undang-undang, maka lakuan ini kurang digunakan bagi mengelakkan pendengar terlalu bebas sehingga melanggar undang-undang. Bentuk LB permisif dikenal pasti dalam teks ucapan kehakiman berdasarkan kata kerja yang membawa maksud bersetuju, membenarkan, meluluskan, mengarahkan, menggalakkan, mengizinkan, melepaskan dan memberi kuasa. Contoh ayat:

- i. ...saya sangat **menggalakkan** pembangunan modal insan dan pembelajaran tanpa had umur...
- ii. ...saya telah **mengarahkan** agar Pekeliling Ketua Hakim Negara Bilangan 1 Tahun 2012 yang menghendaki supaya seseorang hakim mengisytiharkan semua asetnya apabila mula dilantik atau pada bila-bila masa yang dikehendaki berbuat demikian oleh Ketua Hakim Negara...

Contoh ayat tersebut menggunakan kata kerja performatif *menggalakkan* dan *mengarahkan* sebagai lakuan permisif. Kata kerja *menggalakkan* bermaksud memberi semangat atau dorongan kepada seseorang dalam sesuatu perkara. Dalam ayat (i), kata kerja ini merujuk niat penutur memberi dorongan dalam pembangunan modal insan dan pembelajaran tanpa had umur. Kata kerja *mengarahkan* dalam konteks ini bermaksud memberi perintah. Dalam ayat (ii) kata kerja ini merujuk niat pengucap memberi perintah agar Pekeliling Ketua Hakim Negara Bilangan 1 Tahun 2012 dipatuhi oleh Ketua Hakim Negara yang dilantik.

Lakuan pertanyaan merujuk kepada perihal bertanya untuk meminta penerangan. Pertanyaan diklasifikasi dalam kategori arahan kerana menuntut pendengar melaksanakan perkara yang dihasratkan oleh pengucap. Dalam sesuatu pertanyaan, maklumat yang diberikan oleh pendengar adalah atas permintaan pengucap atau penutur. Menurut pengkategorian Bach dan Harnish (1979) kata kerja yang termasuk dalam kategori lakuan pertanyaan ialah kata yang membawa maksud bertanya, menyelidik, menyoal dan membuat pertanyaan. Contoh LB pertanyaan dalam teks adalah seperti berikut:

- i. ...**Persoalannya** sejauh manakah kualiti graduan yang dilahirkan dapat menepati kehendak pasaran terutamanya bagi graduan yang memilih untuk menjadi pengamal undang-undang (practicing lawyers)...

Kata kerja performatif yang dikenal pasti dalam teks ucapan kehakiman ialah kata *persoalannya*. Kata ini berasal daripada kata soalan yang bermaksud hal atau perkara atau masalah yang rumit. Oleh itu persoalan merupakan pertanyaan mengenai sesuatu hal, perkara atau masalah tersebut. Dalam ayat tersebut, kata persoalan merujuk niat penutur atau pengucap menyatakan pertanyaan mengenai kualiti graduan dalam kehendak pasaran terutama yang ingin terlibat dalam undang-undang.

LAKUAN BAHASA PERJANJIAN

Kategori yang ketiga ialah LB perjanjian yang mencatatkan kekerapan penggunaan yang paling rendah, iaitu hanya 2 (0.47%) yang terdapat dalam teks ucapan kehakiman. LB perjanjian merujuk kepada niat pengucap mengujarkan sesuatu yang mewujudkan tanggungjawab yang harus dilakukan olehnya. Kata kerja performatif yang termasuk dalam kategori LB ini adalah yang membawa maksud memberi jaminan, berjanji, bersumpah, mengakui, memberi kepastian dan menawarkan. LB perjanjian kurang digunakan dalam teks ucapan kehakiman kerana teks sempena majlis-majlis rasmi bertujuan untuk memberi pengumuman, pengisytiharan dan laporan. Berikut merupakan contoh ayat LB perjanjian:

- i. ...saya memberi **jaminan** bahawa aduan sedemikian, jika mempunyai

- asas, akan diambil tindakan sewajarnya oleh badan kehakiman...
- ii. ...Pada hari ini saya **mengangkat sumpah** sebagai Ketua Hakim Negara, saya telah menyatakan bahawa saya akan meneruskan usaha-usaha pembaharuan yang dimulakan...

Kata yang merujuk lakuan perjanjian dalam teks ucapan kehakiman ialah *jaminan* dan *mengangkat sumpah*. *Jaminan* yang bermaksud akuan penjamin bersedia menanggung sesuatu akibat, cagaran atau tanggungan. Dalam ayat (i), kata *jaminan* merujuk niat penutur atau pengucap memberi kepercayaan kepada pendengar bahawa tindakan pasti akan diambil berdasarkan aduan yang dilakukan. *Sumpah* dalam konteks ini bermaksud pengakuan menyatakan sesuatu perkara atau kesetiaan dengan mengangkat sumpah. Berdasarkan ayat (ii) kata kerja performatif berkenaan merujuk kepada tindakan penutur atau pengucapan menyatakan kesetiaan sebagai Ketua Hakim Negara dan akan berusaha melakukan pembaharuan. Daripada ayat tersebut, wujudnya tanggungjawab pengucap daripada akuan yang telah dinyatakan olehnya.

LAKUAN BAHASA PENGAKUAN

Kategori LB pengakuan mencatatkan kekerapan penggunaan sebanyak 72 (17.27%). LB ini digunakan sebagai niat pengucap mengungkap perasaan kepada pendengar untuk mewujudkan interaksi sosial. LB pengakuan merangkumi tindakan ucapan tahniah, sapaan, permintaan maaf, berterima kasih, menerima dan menolak. Sesuai dengan ciri-ciri sebuah teks ucapan seperti yang diketengahkan oleh Jeniri Amir (2005), iaitu sapaan, ucapan terima kasih dan syukur sebagai pendahuluan dan terima kasih sebagai penutup menyebabkan lakuan ini mencatatkan kadar penggunaan yang agak tinggi. Contoh ayat:

- i. ...Pada kesempatan ini, saya bagi pihak Badan Kehakiman ingin **mengucapkan setinggi tahniah dan syabas** kepada YAA dan Yang Arif-Yang Arif atas pelantikan ini...
- ii. ...Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk **mengucapkan tahniah** kepada Puan Mazni Binti Nawi...

- iii. ...**Assalaamu'alaikum wa rahmatullah wabarakatuhu**. Selamat pagi dan Salam 1 Malaysia...
- iv. ...Wabillahi taufiq walhidayah, **Wassalamualaikum**, Warahmatullahi, wabarakatuh. Sekian, terima kasih...
- v. ...Bagi pihak Badan Kehakiman, saya **menjunjung kasih** atas limpah perkenan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong, di atas perkenan DYMM Yang Di-Pertuan Agong melantik Hakim-Hakim pada hari ini...

Contoh ayat tersebut menunjukkan kata yang merujuk kepada lakuan pengakuan, iaitu mengucapkan tahniah, sapaan dengan memberi salam dan menjunjung kasih. Ucapan tahniah, terima kasih dan sapaan merupakan satu bentuk pernyataan perasaan daripada penutur atau pengucap untuk mewujudkan perhubungan sosial dengan pendengar. Lakuan pengakuan ini wajar digunakan dalam teks ucapan kehakiman dengan kadar yang agak tinggi kerana mengikut format ucapan sememangnya sapaan, ucapan terima kasih dan tahniah perlu diselit.

KESIMPULAN

Hasil kajian menunjukkan LB pengumuman yang paling kerap digunakan dalam teks ucapan kehakiman diikuti LB arahan, LB pengakuan dan yang kurang digunakan ialah LB perjanjian. Kajian ini memperlihatkan peranan institusi kehakiman sebagai badan yang memberi maklumat serta keterangan mengenai undang-undang bersesuaian dengan kekerapan LB makluman yang dominan digunakan dalam teks diikuti LB deskriptif. Menerusi kajian ini didapati bahawa LB bantahan, ramalan dan maklum balas tidak digunakan dalam teks kehakiman yang diteliti.

RUJUKAN

- Abdul Ganing Laengkang. 2018. Analisis lakuan bahasa terhadap teks khutbah jumaat Negeri Selangor. *Jurnal Hal Ehwal Islam dan Warisan Selangor* 2(1): 1-18.
- Allott, N. & Shaer, B. 2017. Legal speech and the elements of adjudication. In B. Slocum (Ed.). *The Nature of Legal Interpretation: What Jurists Can Learn About Legal Interpretation from Linguistics And Philosophy*, pp. 191-217. Chicago: University of Chicago Press.

- Amir Juhari & Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2015. Penggunaan lakuan pertuturan dalam mesyuarat. *Jurnal Linguistik* 19(1): 48-57.
- Asmah Haji Omar. 2014. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aswadi Mohamad & Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2018. Struktur bahasa dalam situasi banjir di Kelantan dari sudut lakuan pertuturan. *Malaysia Journal of Sosial Science and Humanities* 3(3): 17-25.
- Austin, J. L. 1962. *How to do Things with Words*. Oxford: Clarendon Press.
- Azzahra Dhella Safitri, Sukardi & Nur Aini Puspitasari. 2019. Tindak tutur ekspresif dalam film Jembatan Pensil. *Prosiding Pekan Seminar Nasional Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia (PERSONA)* 1(2): 65-71.
- Bach, K. & Harnish, R. M. 1979. *Linguistic Communication and Speech Acts*. Cambridge & London: The MIT Press.
- Dorsett, S. & McVeigh, S. 2013. The Persona of the Jurist in Salmond's Jurisprudence: On the Exposition of 'What Law is...'. *Victoria University of Wellington Law Review* 38: 771- 2007. Available at SSRN: <https://ssrn.com/abstract=2253104>.
- Kamal Halili Hassan. 1990. *Penulis dan Undang-undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Perdana*. 2021. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.
- Keraf, G. 2001. *Diksi dan Gaya Bahasa*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia.
- Marlyna Maros. 2007. Penyelidikan lakuan bahasa: Pemilihan kaedah dan pola penemuan. *Akademika* 71: 91-115.
- Maslida Yusof & Karim Harun. 2015. Analisis lakuan tutur dalam ruangan status facebook. *Jurnal Komunikasi* 31(2): 151-168.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. 2015. *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurul Qamar & Hardianto Djanggih. 2017. Peranan bahasa dalam perumusan norma perundang-undangan. *Jurnal Ilmiah Kebijakan Hukum (JIKH)* 3(11): 337-347.
- Ogleznev, V. 2016. Ascriptive speech act and legal language. *SHS Web of Conferences*. 28.01075. DOI: 10.1051/shsconf/20162801075RPTSS 2015
- Searle, J., R. 1969. *Speech act : An essay in the philosophy of language*. London: Cambridge University Press.
- Wan Robiah Meor Osman, Hamidah Wahab & Siti Marina. 2018. Penggunaan bahasa dalam sesi kaunseling dari sudut lakuan bahasa. *Jurnal Bahasa* 10(6): 54-73.
- Zanariah Ibrahim, Maslida Yusoff & Karim Harun. 2017. Analisis lakuan bahasa direktif guru pelatih dalam komunikasi di bilik darjah. *Jurnal Melayu* 16(2): 163-178.

Jesselyn Chin Mui Fah
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Malaysia Sarawak
94300, Kota Samarahan Sarawak
jesselynchin@gmail.com

Wan Robiah Meor Osman (*Pengarang Koresponden)
Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43000, Bangi Selangor
mowrobiah@ukm.edu.my

Nor Fazila Ab Hamid
Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43000, Bangi Selangor
norfazilaabhamid@ukm.edu.my